



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Anggota bomba membantu penduduk menangkap ular tedung di rumah penduduk di Kampung Rambai, Alor Setar kelmarin.

3 ular tedung, 30 biji telur ditemui di sebuah rumah

ALOR SETAR - Tiga ular tedung dan 30 biji telur ditemui dalam lubang di bahagian tepi dinding luar sebuah rumah ditangkap di Kampung Rambai di Pendang kelmarin.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba I Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan ular itu kira-kira jam 12.18 tengah hari.

Beliau berkata, sepasukan anggota

Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pendang diketuai Pegawai Bomba Kanan (PBK) 11 Nazri Kasa tiba di lokasi kira-kira jam 12.18 tengah hari.

“Sebaik tiba di lokasi, tiga ular didapati berada di dalam lubang di bahagian tepi dinding luar rumah berkenaan. Turut ditemui, 30 biji telur tersebut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pasukan bomba kemudiannya menangkap ular tersebut dengan menggunakan penjerut dan melepaskannya di tempat yang selamat.